



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : MPU3013**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Di antara berikut yang manakah merupakan agama samawi?
  - A. Islam, Yahudi dan Nasrani
  - B. Islam dan Kristian
  - C. Hindu dan Budha
  - D. Islam, Hindu dan Yahudi
  
2. Istilah lain bagi '*Agama Samawi*' ialah
  - A. Agama Rohani
  - B. Agama Rabbani
  - C. Agama Budaya
  - D. Agama Ukhrawi
  
3. Ibadah terbahagi kepada
  - A. Ibadah Wajib dan Ibadah Fardhu
  - B. Ibadah Khusus dan Ibadah Umum
  - C. Ibadah Sunat dan Ibadah Rawatib
  - D. Ibadah Fardhu dan Ibadah Sunat
  
4. Istilah '*Agama*' diambil dari Bahasa Sanskrit yang membawa maksud
  - A. Tidak berakhlak
  - B. Tidak ganggu
  - C. Tidak makan dan tidur
  - D. Tidak berkahwin

5. Definisi Ibadah pada bahasa
- A. Taat dan tunduk
  - B. Bertawakkal kepada Allah
  - C. Berpesan dengan kebenaran
  - D. Berpesan pada kesabaran
6. Di antara agama samawi yang kekal sampai *yaumul mahsyar* ialah
- A. Agama Islam
  - B. Agama Hindu
  - C. Agama Buddha
  - D. Agama Yahudi
7. Berikut adalah syarat-syarat setiap perbuatan dikira sebagai ibadah dan mendapat pahala daripada Allah SWT
- i. Beragama Islam
  - ii. Beragama Kristian
  - iii. Disertai dengan Niat
  - iv. Mendahulukan Ibadah Wajib dan Fardhu terlebih dahulu
- A. i, ii dan iii
  - B. i, iii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. Semua pilihan di atas
8. Perkataan Ibadah pada pandangan istilah syarak ialah
- A. Tunduk dan patuh pada Allah
  - B. Taat dan Menyerah diri kepada Allah
  - C. Taat, tunduk dan patuh sepenuhnya kepada Allah kerana takut dan mengharap kepada NYA.
  - D. Tunduk dan bertawakkal kepada Allah

Soalan 9 berdasarkan kepada maklumat di bawah.

- Mempunyai Nabi dan Rasul sebagai pembimbing dan penunjuk ajar
- Memiliki Kitab sebagai panduan dan pedoman hidup

9. Pernyataan di atas merujuk kepada:

- A. Ciri-ciri agama Rabbani
- B. Ciri-ciri agama non - samawi
- C. Ciri-ciri agama Bahai
- D. Ciri-ciri agama Buddha

10. Nama lain bagi Al-Quran adalah sebagaimana berikut, **kecuali**

- A. Al Kitab
- B. Al Ikhsan
- C. Al Bayan
- D. At Tanzil

11. Berikut adalah tokoh-tokoh Ilmuan Islam yang masyhur pada zaman Kecermelangan Tamadun Islam kecuali

- A. Al-Razi
- B. Al-Farabi
- C. Al-Salam
- D. Ibn Sina

12. Hadith al-Qudsi bermaksud

- A. Segala perbuatan yang bersumber dari Nabi Muhammad
- B. Segala perkataan yang keluar dari mulut Nabi Muhammad
- C. Ikrar atau pengakuan dari Nabi Muhammad yang kemudiannya dijadikan sandaran hujah
- D. Perkataan dari Nabi Muhammad tetapi lafaz dan maknanya bersumber dari Allah

13. Berikut merupakan faktor-faktor kejayaan Tamadun Islam, **kecuali**

- A. Berlakunya pertembungan antara tamadun Islam dengan tamadun barat di Timur Tengah.
- B. Polisi Sains Negara yang meliputi kegiatan penterjemahan, penubuhan akademi, sekolah, observatori, perpustakaan dan mengendalikan kajian-kajian teknologi dan saintifik.
- C. Ekonomi melibatkan beberapa sektor seperti pertanian, perusahaan dan perdagangan.
- D. Persaingan teknologi dan pembangunan yang tinggi dengan negara barat.

14. Apakah yang dimaksudkan dengan kesenian Islam

- A. Usaha mencipta bentuk yang menyenangkan
- B. Hasil ciptaan yang mengandungi nilai estitika yang berpadu dengan nilai-nilai kerohanian
- C. Ciptaan bentuk yang menghasilkan keseronokan dan ketenangan
- D. Aktiviti kesenian yang dilakukan oleh seorang seniman

15. Pernyataan berikut berkaitan dengan keistimewaan tamadun Islam, **kecuali**

- A. Berasaskan sumber wahyu
- B. Bersesuaian dengan fitrah manusia
- C. Menolak tamadun lain
- D. Mengiktiraf ketinggian aqal manusia

16. Antara sumbangan-sumbangan Tamadun Islam ialah
- i. Penulisan Al-Quran diperkemas lagi dalam tulisan rasmi al-Arabi
  - ii. Falsafah Sains dan Teknologi
  - iii. Senibina dan institusi-institusi Islam.
  - iv. Ilmu pengetahuan, sains, astronomi dan matematik.
- A. i, ii dan iii  
B. i, iii dan iv  
C. ii, iii dan iv  
D. Semua pilihan di atas
17. Kemurnian dan kehalusan yang dibawa oleh Aqidah Islam adalah seperti berikut, **kecuali**
- A. Mengenal Allah SWT melalui sifat, zat serta asmanya
  - B. Aqidah yang benar adalah mengesakan Allah SWT tanpa mengambil tuhan selain Allah SWT
  - C. Aqidah adalah sesuatu yang bersifat fleksibel serta boleh berubah-ubah
  - D. Kehidupan beraqidah merupakan salah satu kesempurnaan iman
18. Berikut merupakan peranan individu muslim bagi mengawal keruntuhan akhlak, **kecuali**
- A. Menjadi ejen perubahan individu dan sosial
  - B. Meningkatkan interaksi antara lelaki dan perempuan
  - C. Meningkatkan keperibadian
  - D. Menangani budaya asing dengan hikmah

19. Ihsan yang dikehendaki dalam ajaran Islam merangkumi

- i. Kebaikan dan perbuatan yang baik hasil gabungan akal, hati, perbuatan dan percakapan.
  - ii. Ibadah yang secukupnya kepada Allah SWT iaitu hatinya sentiasa terasa perbuatan dan tingkah lakunya diawasi oleh Allah SWT
  - iii. Berkaitrapat dengan keikhlasan dan dilarang beribadah tanpa niat yang ikhlas kerana tiada paksaan dalam agama.
  - iv. Terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ihsan kepada Allah SWT dan sifat ihsan kepada sesama makhluk
- A. i, ii dan iii
  - B. i, iii dan iv
  - C. ii, iii, dan iv
  - D. Semua pilihan di atas

20. Di dalam lima dasar maqasid syariah, terdapat tingkat perbezaan iaitu *dhururiyyah*, *tahsiniyyat* dan *hajjiyat*

Pengertian *tahsiniyyat* ialah

- A. Tingkat terendah di mana segala sesuatu perlu ada jaminan kelangsungan hidup agar sesuatu menjadi lebih bermakna
- B. Tingkat permulaan di mana tiap kehidupan mempunyai permulaan hidup dan perlu dititikberatkan setiap amal permulaan kehidupan
- C. Tahap tertinggi, dikenali jua dengan kesempurnaan dan keelokan jika tahap ini dapat dicapai oleh manusia untuk meningkatkan kualiti hidup
- D. Tingkat pertengahan dalam hidup manusia, seandainya terwujud ia akan memberi keselesaan kepada kehidupan.



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1**

Syariat Islam diturunkan oleh Allah SWT untuk diamalkan oleh manusia di dunia dalam segala jenis aktiviti makruf

- a) Apakah objektif utama syariat Islam diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia  
(2 markah)
- b) Huraikan **TIGA(3)** keistimewaan Agama Islam  
(6 markah)
- c) Nyatakan **DUA(2)** asas ajaran Islam  
(2 markah)

**Soalan 2**

Tamadun bermaksud peradaban yang membawa kepada keadaan serta tingkat kemajuan dalam kehidupan dari aspek rohani dan jasmani bagi sesebuah bangsa dan masyarakat.

- a) Jelaskan **DUA(2)** faktor kecemerlangan Tamadun Islam  
(4 markah)
- b) Sebutkan **DUA(2)** sumber Tamadun Islam  
(2 markah)
- c) Huraikan **DUA(2)** ciri-ciri Tamadun Islam  
(2 markah)

**Soalan 3**

Isteri mempunyai tanggungjawab yang besar dalam institusi kekeluargaan dan isteri juga menjadi tulang belakang kepada kekuatan sesebuah institusi keluarga

- a) Nyatakan **DUA(2)** dasar-dasar dalam pemilihan jodoh mengikut perspektif Islam  
(2 markah)
- b) Berikan **EMPAT(4)** langkah bagi menjamin keharmonian rumahtangga  
(4 markah)
- c) Huraikan **DUA(2)** tanggungjawab anggota masyarakat dalam sesebuah negara  
(4 markah)

**Soalan 4**

Nabi Muhammad SAW mengatakan bahawa dunia di akhir zaman penuh dengan fitnah dan ia menjadi wabak kepada masyarakat dunia hari ini dan kejatuhan nilai moral menjadi titik keruntuhan dunia pada hari ini

- a) Berikan definisi moral yang telah anda pelajari  
(2 markah)
- b) Jelaskan **TIGA(3)** kesan keruntuhan akhlak ke atas individu  
(6 markah)
- c) Nyatakan **DUA(2)** peranan kerajaan dalam mengawal keruntuhan moral  
(2 markah)

**Soalan 5**

Islam merupakan agama yang *syumul* (lengkap) yang meliputi juga kesenian yang indah di mana ianya telah diajarkan melalui wahyu

- a) Nyatakan prinsip kesenian dalam Islam  
(2 markah)
- b) Berikan **EMPAT(4)** bentuk kesenian Islam  
(4 markah)
- c) Jelaskan **DUA(2)** garis panduan berhibur dalam Islam yang dikeluarkan oleh JAKIM  
(4 markah)

**Soalan 6**

Islam menitik berat terhadap penjagaan, pemeliharaan, pengawalan alam sekitar dan sebagainya sebagai syarat kemakmuran dan kesejahteraan hidup

- a) Huraikan **DUA(2)** faktor pembangunan dalam islam  
(4 markah)
- b) Nyatakan **DUA(2)** kriteria pembangunan Madani  
(2 markah)
- c) Huraikan **DUA(2)** langkah mengatasi impak negatif pembangunan Madani  
(4 markah)

**Soalan 7**

Globalisasi merupakan penjajahan moden oleh pihak Barat dalam bentuk perluasan idea dan pengaruh Barat dalam bentuk penguasaan ekonomi dan sistem sosial di rantau bukan Barat

- a) Nyatakan **EMPAT(4)** kesan positif globalisasi terhadap dunia Islam (4 markah)
- b) Jelaskan **DUA(2)** cabaran permasalahan sosial yang sedang dihadapi oleh Negara Islam (4 markah)
- c) Berikan **DUA(2)** langkah untuk membendung jenayah dan gejala sosial akibat globalisasi (2 markah)

**BAHAGIAN C**

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja

**Soalan 1**

Isu ketidakharmonian rumahtangga pada masa kini semakin berleluasa di dada akhbar yang menjadi perhatian oleh seluruh masyarakat

Huraikan **DUA(2)** punca berlakunya krisis dalam rumahtangga dan **DUA(2)** cara menanganinya menurut ajaran Islam

(20 markah)

**SOALAN 2**

Kebelakangan ini pencemaran alam sekitar semakin berleluasa di bumi kita ini, merangkumi pencemaran tanah, air, udara dan bunyi. Jika dilihat di media massa dan media cetak hangat membincangkan mengenai masalah alam sekitar.

Jelaskan **DUA(2)** kesan kerosakan tersebut dan **DUA(2)** langkah yang efektif untuk mengatasinya

**KERTAS SOALAN TAMAT**

